



KENYATAAN MEDIA PEJABAT PERDANA MENTERI

Kerajaan mengambil maklum titah pandangan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sepertimana yang terkandung dalam kenyataan Istana Negara pada 16 Jun 2021.

Dalam sesi-sesi menghadap ke atas KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebelum ini, YAB Perdana Menteri telah menyembah maklum dan menasihati KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai perjalanan pengurusan pandemik COVID-19, penguatkuasaan Ordinan-Ordinan Darurat, pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, pakej-pakej rangsangan ekonomi dan bantuan kewangan kepada rakyat, pelaksanaan sidang Parlimen, Pelan Pemulihan Negara dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

Menjunjung titah pandangan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah susulan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara.

PEJABAT PERDANA MENTERI

17 JUN 2021